

# Keputusan silat seni malam ini

SUKAN MELAKKA BUNCI

BANDAR SERI BEGAWAN — Para pemenang acara silat seni yang diadakan dua hari lalu akan diketahui malam ini.

Acara ini menawarkan tiga pingat emas dan hanya disertai oleh Brunei, yang mengemukakan dua pasukan, Indonesia dan Singapura.

9 MAR 1990  
"Kami telah diberitahu bahawa pengumuman tentang pemenang acara ini akan dibuat esok," kata jurulatih Singaura, Iskandar Muda Abdul Jalil Rais.

Kepada pertanyaan tentang peluang Singapura dalam acara ini, jurulatih itu berkata, Brunei kelihatan

akan menggondol kesemua pingat emas. Yusoff

"Persembahan pasukan Brunei sungguh menarik. Ini adalah kerana mereka telah membuat persiapan untuk acara ini," jelasnya sambil memberitahu peluang Singapura sekadar memenangi pingat gangsa.

Singapura hanya mengetahui mengenai acara ini setelah kontinjen Republik berada di lapangan terbang Changi.

Republik terpaksa mengambil bahagian kerana acara ini menawarkan tiga emas. Thailand dan Malaysia, yang turut menyertai olahraga, tidak mengambil bahagian.

3

## Ijazah silat

9 MAR 1990

SEMPENA Bulan Budaya Melayu, Kumpulan Kegiatan Melayu Balai Rakyat Cheng San akan menganjurkan majlis penyampaian ijazah silat, pada 8 malam esok di balai rakyat itu.

## Harapan tambah pingat cerah

9 MAR 1990

SUKAN MELAKKA BUNCI

HARAPAN negara untuk menambah pingat emas bergantung kepada keupayaan silat, karate-do dan se-paktakraw hari ini.

Pesilat negara; Ahmad Wardi Salim, Wan Adnan Wan Isa, Ruzaidi Abdul Rahman, Zakaria Hamzah, Mazlan Shaari, Zainal Amat dan Zaleha Suradi memikul tanggungjawab peting pada pertarungan akhir.

Manakala empat pingat emas lagi menjadi rebutan di gelanggang karate-do iaitu tiga bagi bahagian wanita dan satu berpasukan lelaki. B. Harlan (M)

Malaysia yang dijangka mengalahkan Brunei A pada separuh akhir se-paktakraw pagi ini, dijangka menghadapi persaingan sengit Thailand pada malamnya untuk menentukan pingat emas.

Pengurus pasukan silat, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata peluang memenangi pingat emas tetap cerah.